

# Generasi muda digalakkan ceburi bidang seni kulinari

CHRISTOPHER LIDOM

**KUCHING:** Generasi muda digalakkan untuk menceburi bidang seni kulinari yang boleh menjadi kerjaya profesional, kata Pengerusi Saberkas Cawangan Engkelili, Dr. Jonical Rayong Ngipa.

Beliau menambah, memasak merupakan satu hobi yang boleh dipelajari daripada ibu, saudara dan rakan-rakan, namun kini, bidang terbabit diiktiraf sebagai kerjaya profesional di dunia.

"Saya amat bangga apabila

terdapat generasi muda yang berminat dalam bidang seni kulinari.

"Justeru, mereka harus mengguna pakai kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari di universiti atau kolej untuk menambah pengalaman sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada Perasmian Pertandingan Memasak "Maggi Cukup Rasa" Keempat anjuran Saberkas Cawangan Batu Lintang di Dewan Masyarakat Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) di sini, semalam.

Rayong menegaskan, banyak peluang yang disediakan

dalam industri masakan termasuk menjadi chef terkemuka.

Beliau kemudiannya memberi sumbangan berjumlah RM5,000 kepada Saberkas Cawangan Batu Lintang untuk penganjuran pelbagai aktiviti.

Sementara itu, Pasukan UCSI B dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Memasak "Maggi Cukup Rasa" Keempat Saberkas Cawangan Batu Lintang dan diikuti oleh UCSI A di tempat kedua manakala SG Akademia B di tempat ketiga.

Sebanyak 10 pasukan daripada sembilan buah kolej menyertai pertandingan memasak terbabit iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (ICATS), Kolej Vokasional, Kolej MSU, Kolej SATT, Kolej Segi, Universiti Teknologi Swinburne, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), UCSI A, UCSI B, SG Akademia A dan SG Akademia B.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Tan Kai yang mewakili Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr. Sim Kui Hian.



**TAHNAH ...** Rayong (empat dari kanan) menyampaikan hadiah kepada Pasukan UCSI B yang dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Memasak "Maggi Cukup Rasa" Keempat Saberkas Cawangan Batu Lintang sambil diperhatikan oleh Tan Kai (dua dari kanan) bersama yang lain di Kuching, semalam.